

16 DEC 1996
LRT-niaga
PELUANG BERNIAGA DI STESEN LRT

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Usahawan akan menyediakan tapak perniagaan di semua stesen LRT di ibu negara.

Menterinya Datuk Mustapa Mohamad berkata usaha untuk mengadakan peluang perniagaan ini yang akan diberikan kepada usahawan yang terpilih sudah dipersetujui oleh pihak STAR.

"Perbincangan telah diadakan antara saya dan pihak STAR secara umum mengenai jenis perniagaan secara kecil-kecilan di stesen-stesen LRT di Kuala Lumpur", katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Katanya perbincangan lebih lanjut mengenai ini akan diadakan tiga minggu lagi antara beliau dan STAR bagi mengenal pasti jenis perniagaan dan usahawan yang sesuai.

Akan turut terlibat dalam perbincangan itu ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Mengenai bentuk perniagaan, Mustapa berkata ia mungkin dalam bentuk 'kiosk' dan tertakluk kepada kelulusan pihak DBKL dan MPAJ

Beliau sebelum itu merasmikan perkhidmatan bas Pengantara (Feeder Bus) STAR-LRT yang disediakan oleh Intrakota Komposit Sdn Bhd di stesen LRT Pandan Jaya di sini.

Dalam ucapannya Mustapa berkata beliau berbangga dengan sistem LRT yang ada sekarang ini walaupun banyak pihak yang mengkritik sistem ini sewaktu Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan perlaksanaannya dahulu.

Katanya pelaksanaan sistem ini amat penting dan sedikit masa lagi perkhidmatan ini akan dilanjutkan ke bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang dan Johor Baharu.

Mustapa berkata sistem ini adalah yang terbaik buat masa ini bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan kerjasama antara STAR dan Intrakota Komposit Sdn Bhd bagi menyediakan bas pengantara adalah membanggakan.

"Jika tidak ada kerjasama antara LRT dan Intrakota sudah pasti sistem pengangkutan ini akan gagal sehubungan itu ia perlu saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain", katanya.

Sebanyak 22 buah bas pengantara Intrakota di sediakan di 11 laluan antaranya ialah di Stesen Ampang-Ampang Point, Ampang Jaya, Bukit Indah dan Kg Pandan Dalam dengan kadar bayaran 50 sen. -- BERNAMA

NAS WAT